



PERDANA
LEADERSHIP
FOUNDATION
YAYASAN
KEPIMPINAN
PERDANA

PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	20 JULY 2017

Projek pengangkutan awam era Mahathir merugikan? *UM-20/7/2017 pg. 8*

KUALA LUMPUR 19 Julai - Pelancaran operasi penuh Transit Aliran Massa (MRT) Sungai Buloh-Kajang pada Isnin lalu menjelaskan bagaimana sebuah projek infrastruktur awam mampu dilaksanakan dengan baik tanpa memerlukan penyertaan syarikat-syarikat konsesi yang terbukti merugikan serta menjejaskan wang rakyat.

Menurut penganalisis politik, Lim Sian See, projek MRT itu menunjukkan bagaimana Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak tidak mengulangi pendekatan bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad yang melantik syarikat-syarikat konsesi untuk menguruskan jaringan pengangkutan awam yang akhirnya mengalami kerugian

dan perlu diselamatkan.

Katanya, beberapa projek pengangkutan awam Lembah Klang yang dilancarkan semasa pentadbiran Dr. Mahathir seperti KL Monorail, Transit Aliran Ringan (LRT) Putra dan Star serta Perkhidmatan Bas Intrakota, kesemuanya terpaksa diselamatkan oleh kerajaan kerana syarikat-syarikat konsesi yang dilantik telah bankrap.

“Kesemua empat projek pengangkutan awam yang diinisiatifkan Dr. Mahathir itu diberikan kepada syarikat swasta menerusi sistem konsesi tetapi akhirnya bankrap. Dengan itu kerajaan terpaksa menyelamatkan kesemua projek-projek itu,” katanya menerusi status di akaun Facebook beliau hari ini.